

Hutang luar: Tiada niat abai tanggungjawab

13 SEP 1989

SUBANG, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menekankan bahawa Malaysia tidak berniat untuk lari daripada tanggungjawab untuk menjelaskan segala hutang luarnya.

Menurut Perdana Menteri, pandangan Malaysia yang disuarakannya di Sidang Puncak Pergerakan Berkccuali (NAM) di Belgrade minggu lalu supaya beban hutang yang ditanggung oleh negara-negara miskin dilupakan, bukan bertujuan untuk negara ini.

"Kita tidak minta untuk negara kita kerana kita mampu bayar dan akan terus membayar segala hutang kita.

"Sebaliknya, ada negara yang tidak mungkin dapat membayar hutangnya sama sekali. Negara-negara inilah yang akan meningkat hutangnya berikutan faedah yang dikenakan dan akan kekal berhutang selama-lamanya," katanya.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini sekembalinya dari sidang itu, beliau berkata, negara-negara berkenaan juga tidak akan mendapat pinjaman baru yang akhirnya akan men-

jadikan mereka negara mufliis.

Menurutnya, keadaan itu tidak seharusnya terjadi kepada sesebuah negara kerana beban hutang sedemikian akan turut menafikan kemerdekaan negara berkenaan.

Oleh itu, katanya, Malaysia berpendirian bahawa negara-negara kaya perlu melupakan hutang beberapa negara yang tidak mampu menjelaskannya.

Kerjasama

"Tetapi negara yang mampu harus terus membayar dan Malaysia sendiri akan terus menjelaskan hutangnya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara-negara kuasa besar bagaimana-pun tidak menghiraukan sama sekali pelbagai pandangan yang diutarakan di sidang itu.

Menurutnya, wartawan negara berkenaan sendiri tidak membuat laporan tepat mengenai sidang itu, sebaliknya lebih memburukkan imej pemimpin tertentu termasuk pemimpin Libya, Kol Muammar Gaddafi.

Perdana Menteri juga menjelaskan penubuhan kumpulan 16 di kalangan negara anggota NAM termasuk Malaysia, bertujuan mewujudkan kerjasama Selatan-Selatan untuk menyelesaikan isu tertentu.

Menurutnya, adanya kumpulan berkenaan tidak bermakna negara lain yang tidak menjadi anggotanya tidak layak kerana kumpulan itu turut mempunyai wakil bagi rantau dan pihak tertentu.

Katanya, beliau juga berkesempatan mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin NAM di Belgrade di samping membincangkan isu dua hala bersama Presiden serta Perdana Menteri Yugoslavia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selepas sidang itu, beliau juga berpeluang meneliti pelbagai kemudahan pelancongan di Crete, sebuah pulau di Greece yang dikunjungi oleh lebih 2.5 juta pelancong setahun.

"Saya mendapat banyak idea yang boleh digunakan untuk membangunkan industri pelancongan di pulau-pulau di negara kita," katanva.